



## JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

### Malay Language Education Journal

## PERBEZAAN PENERAPAN AKTIVITI DIDIK HIBUR SECARA BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN BERDASARKAN JANTINA DAN PENGALAMAN MENGAJAR GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

*(The Differences in the Application Fun Learning in Face-to-Face and Online Learning Based on Gender and the Experience of Teaching Primary School Malay Language Teachers)*

Salimiah@Sazarinah Jamili<sup>1</sup> & Zamri Mahamod<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Sek. Keb. St. Francis Convent, Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Koresponden: **Zamri Mahamod**, [d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Mei, 2022

Volume: 12

Bilangan: 01

Halaman: 40-49

Dihantar pada:

20 November 2021

Diterima pada:

30 April 2022

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan penerapan aktiviti Didik Hibur dalam pengajaran guru Bahasa Melayu secara bersemuka dan secara dalam talian berdasarkan perbezaan jantina dan pengalaman mengajar. Seramai 80 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sembilan buah sekolah rendah di Zon Likas, Kota Kinabalu, Sabah dijadikan sampel kajian. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif menggunakan min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan, manakala statistik inferensi yang digunakan ialah ujian-t, ANOVA sehalu dan korelasi Pearson. Daripada analisis ujian-t, didapati tidak ada perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar. Pengajaran guru lelaki dan guru perempuan menggunakan Didik Hibur sama ada secara bersemuka ataupun dalam talian adalah sama sahaja. Dapatan ANOVA menunjukkan bahawa pengalaman mengajar guru yang berkhidmat lebih 21 tahun menunjukkan skor min yang tinggi dalam kaedah pengajaran bersemuka, manakala pengalaman mengajar guru kurang tiga tahun menunjukkan skor min yang tinggi terhadap kaedah pengajaran dalam talian. Ujian korelasi Pearson pula memperlihatkan bahawa terdapat hubungan yang positif kaedah pengajaran bersemuka dengan kaedah pengajaran dalam talian. Implikasi daripada kajian ini ialah faktor jantina dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu tidak mempengaruhi pengajaran bersemuka mahupun secara dalam talian, sebaliknya terdapat faktor-faktor lain seperti kemahiran mengajar, sikap, minat dan sebagainya yang mempengaruhi penerapan pendekatan Didik Hibur.

**Kata Kunci:** Didik Hibur, pembelajaran bersemuka, pembelajaran dalam talian, jantina, pengalaman mengajar, guru Bahasa Melayu sekolah rendah

**Abstract:** This study aims to see the differences in the application of Fun Learning (Didik Hibur) activities in the teaching of Malay language teachers face-to-face and online based on gender differences and teaching experience. A total of 80 Malay language teachers who teach in ninety primary schools in the Likas Zone, Kota Kinabalu, Sabah were sampled for the study. This study uses a questionnaire as a research instrument. Data were analyzed descriptive and inferential. Descriptive statistics used mean, standard deviation, frequency and percentage, while inferential statistics used were t-test, one-way ANOVA and Pearson correlation. From the t-test analysis, it was found that there were no significant differences based on gender and teaching experience. The teaching of male and female teachers using Didik Hibur either face-to-face or online is the same. The findings of ANOVA showed that the teaching experience of teachers who served more than 21 years showed a high mean score in face-to-face teaching method, while the teaching experience of teachers less than 3 years showed a high mean score on online teaching method. Pearson correlation test showed that there is a positive relationship between face-to-face teaching methods and online teaching methods. The implication of this study is that gender and teaching experience of Malay language teachers do not affect face-to-face or online teaching in applying the Didik Hibur approach, instead there are other factors such as teaching skills, attitudes, interests and so on that influence the application of Didik Hibur.

**Keywords:** Fun Learning, face-to-face learning, online learning, gender, teaching experience, Malay Language primary

## PENGENALAN

Pada tahun 2020, seluruh negara di dunia telah dikejutkan dengan penularan wabak pandemik *Corona Virus Disease 2019* (COVID-19), menyebabkan semua sektor telah ditutup buat seketika bagi membendung penyakit tersebut daripada merebak. Negara Malaysia juga telah mendapat impak yang sama. Oleh itu, Malaysia telah mengambil langkah yang drastik dengan melakukan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian disebabkan murid tidak dapat hadir ke sekolah (Khairah 2020). Dengan penularan COVID-19, sedikit sebanyak cara kaedah pengajaran bersemuka telah diubah kepada pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) kerana murid tidak datang ke sekolah, malahan mereka hanya berada di rumah. Hasilnya, pembelajaran dalam talian telah diguna pakai dengan meluasnya bagi mencapai kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bahawa PdP perlu diteruskan walaupun sekolah ditutup. Tujuan KPM, adalah untuk memastikan walaupun berlakunya penutupan sekolah, murid-murid tetap mendapat ilmu pengetahuan dari rumah secara dalam talian (KPM 2020a).

PdPR merupakan salah satu alternatif pembelajaran norma baharu (KPM 2020a) yang berasaskan kaedah pengajaran dalam talian seperti *Whatsapp*, *Telegram*, *Google Classroom*, *Google Meet*, *Kahoot*, dan pembelajaran interaktif (Rosninawati 2020). Kaedah lain yang dicadangkan juga ialah *flipped classroom*, pembelajaran konstektual, masteri, inkuiri dan berasaskan masalah (KPM 2020). Selain itu, kaedah yang diketengahkan juga ialah *Zoom*, *Padlet*, dan *Quizlet* (Muniroh 2020). Kaedah-kaedah yang pelbagai ini dapat menjadi pilih guru dalam mengadakan pembelajaran dalam talian. Hal ini kerana, pembelajaran dalam talian ini sebenarnya mampu menghasilkan seseorang pelajar itu dapat kemahiran dalam pembelajaran sepanjang hayat (Muniroh et al. 2020).

Oleh sebab itu, pendidikan telah melalui situasi norma baharu, daripada kaedah pengajaran bersemuka bertukar kepada pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR) yang menggunakan kaedah pengajaran atas talian. Penyampaian pelajaran mesti terus dilaksanakan oleh guru walaupun berhadapan cabaran pengajaran yang telah dtukarkan secara drastik yang menggalakan guru beralih kepada kaedah pengajaran dalam talian dengan penggunaan kepelbagaian medium dalam talian yang disarankan oleh KPM. Selain guru, murid-murid juga menghadapi pelbagai kekangan dengan pelaksanaan PdPR di rumah antaranya ialah gaya pembelajaran yang kurang selesa, halangan teknologi dan persekitaran serta masalah peribadi mereka yang tidak berminat terhadap aplikasi komputer akibat daripada ketidakelesaan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan tidak mempunyai komputer dan masalah kepada capaian

Internet (Siti Azura 2021). Keadaan ini secara langsung telah memberi impak kepada keterlibatan murid-murid dalam proses PdP. Walau bagaimanapun, dengan adanya kepelbagaian kaedah pengajaran yang diperkenalkan ini, guru-guru boleh memikirkan cara untuk mengurangkan kepada permasalahan yang dihadapi oleh murid.

Bertitik tolak daripada masalah-masalah yang dihadapi seperti yang dinyatakan di atas, guru perlu tahu cara memilih kaedah yang bersesuaian semasa pengajaran di rumah. Hal ini disebabkan, kesilapan guru dalam memilih kaedah PdP yang tidak sesuai, akan menyebabkan murid berasa bosan, jemu dan mengantuk (Zamri 2014). Dengan ini, satu pendekatan yang terbaik dalam PdP perlu diterapkan berdasarkan aktiviti-aktiviti yang boleh mewujudkan keseronokan murid semasa belajar, iaitu didik hibur. Oleh itu adalah menjadi keperluan untuk menjalankan kajian tentang kepelbagaian kaedah pengajaran guru dalam penerapan Didik Hibur di Zon Likas, Kota Kinabalu, Sabah memandangkan belum ada kajian lagi yang dilakukan berhubung dengan penerapan Didik Hibur secara khusus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di Sabah berdasarkan pembacaan dan artikel dalam talian, hampir kebanyakan kajian hanya mengkhususkan di Semenanjung dan sedikit di Sarawak.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Didik Hibur merupakan satu penerapan kepada kaedah pengajaran guru dalam proses PdP, dengan tujuan mendidik sambil murid dihiburkan dalam suasana yang santai dan seronok (KPM 2010), walaupun mereka sentiasa terdedah kepada pelbagai cabaran yang menjurus kepada era globalisasi, di mana murid sering kali dipengaruhi oleh siaran televisyen dan internet (Abdul Rasid et al. 2016). Oleh itu untuk menerapkan pendekatan Didik Hibur pelbagai elemen Didik Hibur harus diaplikasikan dalam PdP supaya selaras dengan objektif pengajaran yang telah ditetapkan. Empat teknik bagi melaksanakan pendekatan Didik Hibur iaitu teknik nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi. Dalam hal ini, bagi membantu murid dalam mencapai objektif, guru harus bertindak sebagai fasilitator, pengurus, penilai atau pemudah cara dalam membantu murid agar terlibat secara maksimum dalam proses pengajaran guru (KPM 2015).

Walaupun bagaimanapun, penerapan Didik Hibur ini sukar untuk diterapkan kerana guru kurang pengalaman mengajar dan masih mengamalkan kaedah pengajaran tradisional. Menurut Abdul Rasid et al. (2016), masih terdapat guru Bahasa Melayu yang masih mengamalkan kaedah tradisional dalam pengajarannya terutamanya guru yang sudah lama berkhidmat. Mereka lebih selesa berada dalam keadaan yang statik kerana sudah terbiasa dengan cara pengajaran tradisional. Selain itu, mereka lebih selesa menggunakan kaedah pengajaran yang lama, iaitu menggunakan buku teks bahasa dan juga

penggunaan papan tulis di dalam kelas (Rozita Radhiah et al. 2016).

Guru masih kurang kemahiran dalam menerapkan Didik Hibur dalam pengajaran dan pembelajaran. Pernyataan ini disokong oleh Zanariah dan Zamri (2017) yang menjalankan kajian tentang tahap pengetahuan dan kemahiran guru, mendapati bahawa guru sememangnya mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap Didik Hibur tetapi mempunyai masalah dalam mengaplikasikan kemahiran penerapan Didik Hibur. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kepada KPM (2015), untuk memperluaskan kursus dan bengkel untuk memudahkan guru-guru memahami dan memahirkan diri dalam melaksanakan pendekatan Didik Hibur. Menurut Mazlan (2016), PdP yang menggunakan kaedah yang moden sangat sesuai pada masa kini, seperti menggunakan kaedah Didik Hibur.

Beberapa kajian berkaitan menunjukkan bahawa guru perempuan lebih banyak menerapkan pelbagai kaedah pengajaran berbanding guru lelaki. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Mazlan (2015), Ramlan et al. (2016), dan Zanariah dan Zamri (2017), Nik Nur Azizah et al. (2019), dan lain-lain melaporkan bahawa guru perempuan lebih banyak menggunakan kaedah Didik Hibur berbanding guru lelaki. Guru perempuan lebih bersikap keibuan dan mengajar sambil menyanyi. Murid-murid berasa seronok untuk belajar. Namun demikian, kajian Norlela dan Shamsudin (2020) menyatakan bahawa tidak ada perbezaan penerapan Didik Hibur antara guru perempuan dan guru lelaki ketika mengajar di dalam kelas (bersemuka).

Justeru, kajian perlu dijalankan untuk mengetahui sama ada penerapan Didik Hibur diterapkan dalam kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu sewaktu PdP secara bersemuka atau secara dalam talian sewaktu PdPR berlangsung. Seandainya Didik Hibur diterapkan dalam pengajaran bersemuka atau dalam talian, adakah sebenarnya dapat mewujudkan keseronokan belajar kepada murid terutamanya semasa pandemik ini? Oleh itu, kaedah pengajaran guru dengan penerapan Didik Hibur ini amat perlu dilaksanakan dengan berkesan di sekolah-sekolah Zon Likas dalam pengajaran Bahasa Melayu supaya minat murid untuk mempelajari Bahasa Melayu dengan lebih baik akan timbul dan akan menggunakan sepenuhnya Bahasa Melayu dalam komunikasi seharian mereka. Selain itu, kaedah pengajaran yang menarik juga akan dapat mengelakkan berlakunya gejala ponteng kelas lebih-lebih lagi pada masa pandemik ini yang menggunakan kaedah pengajaran dalam talian sepenuhnya.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Menentukan sama ada terdapat perbezaan dalam menerapkan elemen didik hiburan dalam kaedah pengajaran secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar.

2. Membandingkan jenis kaedah pengajaran secara bersemuka dan dalam talian dalam menerapkan elemen didik hiburan.

## HIPOTESIS KAJIAN

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan antara penerapan aktiviti Didik Hibur secara bersemuka berdasarkan jantina.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan antara penerapan aktiviti Didik Hibur secara dalam talian berdasarkan jantina.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur bagi secara bersemuka berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur bagi secara dalam talian berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pengajaran bersemuka dan dalam talian dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur.

## KAEDAH KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang berbentuk tinjauan telah digunakan sebagai reka bentuk kajian yang menggunakan deskriptif dan inferensi. Kajian lapangan telah dijalankan di Zon Likas, Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Pemilihan lokasi ini adalah kerana tempatnya yang strategik dan mempunyai ciri-ciri yang boleh mencapai objektif kajian saya. Terdapat sembilan buah sekolah rendah kebangsaan di bawah Zon Likas, Kota Kinabalu.

### Sampel Kajian

Kaedah persampelan bertujuan diguna pakai dalam kajian ini kerana semua responden yang dipilih ialah guru Bahasa Melayu yang mengajar di Zon Likas, Kota Kinabalu, Sabah. Kaedah persampelan bertujuan ini dipilih supaya dapat menjurus kepada objektif kajian sasaran, iaitu melihat kaedah pengajaran guru dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur semasa PdP secara bersemuka atau secara dalam talian. Sebanyak sembilan buah sekolah rendah di Zon Likas, Kota Kinabalu, Sabah telah dijadikan sebagai lokasi kajian. Seramai 80 orang guru telah menjadi sampel kajian dengan mengambil kira bahawa setiap sekolah mempunyai sekurang-kurangnya 12 orang guru Bahasa Melayu. Soal selidik telah diedarkan dengan menggunakan *Google Form* kepada 80 orang guru berkenaan.

### Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Pemilihan satu set soal selidik ini

kerana sampel kajian yang dipilih tidak akan merasa serba salah serta tertekan dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kerana segala maklumat yang berkaitan dengan sampel kajian akan dirahsiakan selain memberi kebebasan kepada sampel kajian dalam menjawab soalan. Menurut Fuad (2017), soal selidik merupakan alat pengukur dalam penyelidikan. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada empat bahagian. Guru perlu menjawab kesemua soalan yang diukur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Skala 2 merujuk kepada Tidak Setuju (TS), Skala 3 merujuk kepada Kurang Setuju (KS), Skala 4 merujuk kepada Setuju (S) dan 5 merujuk kepada Sangat Tidak Setuju (SS). Soal selidik diadaptasikan daripada kajian Abdul Rasid dan Hasmah (2013).

### Kajian Rintis, Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kajian rintis dilakukan kepada 10 orang guru yang tidak berkenaan dalam kajian sebenar secara *Google Form* untuk penentuan objektif kajian di sebuah sekolah rendah Stella Maris, yang merupakan sekolah yang mencapai keputusan terbaik Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2019. Pemilihan subjek ini adalah kerana mempunyai sifat dan ciri-ciri iaitu guru Bahasa Melayu di sekolah rendah di Kota Kinabalu yang melaksanakan kaedah pengajaran bersemuka dan dalam talian yang dikhususkan pada PdPR sewaktu tempoh COVID-19. Kajian ini adalah untuk memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Data yang diperolehi ini telah diukur dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS) Statistics* versi 26. SPSS digunakan untuk mengetahui nilai pekali kebolehpercayaan, iaitu Alpha Cronbach. Dalam kajian rintis, setiap item memperoleh nilai alpha yang berada pada tahap baik dan amat baik atau tinggi melebihi 0.80.

Hasil kajian diperoleh, nilai alpha bagi konstruk pengetahuan ialah 0.977, konstruk kaedah bersemuka ialah 0.870, dan konstruk kaedah dalam talian ialah 0.921. Oleh itu, jumlah keseluruhan nilai Alpha Cronbach ialah 0.931. Apabila nilai alpha berada di antara 0.60 hingga 0.80 boleh diterima, dan nilai alpha yang melebihi 0.80 adalah baik yang disokong oleh Zaidatun dan Mohd Salleh (2003). Oleh itu, pemilihan konstruk-konstruk dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan dan boleh diterima pakai untuk dijalankan kajian.

### Analisis Data

Data dianalisis secara statistik deskriptif dan statistik inferens. Menurut Chua Yan Piaw (2014), statistik deskriptif adalah digunakan untuk meringkaskan maklumat atau data yang dikemukakan. Bagi mengkaji

tentang tahap pengetahuan guru dalam penerapan aktiviti Didik Hibur, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis data. Perisian ini digunakan untuk mengukur frekuensi, peratus dan skor min. Interpretasi julat min dilakukan dengan mengikut skala yang digunakan oleh Kamaruzaman (2009) dengan memberikan 5 skor mini yang diwakili lima tahap iaitu sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Pembahagian julat min bagi setiap tahap adalah seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Julat min bagi menjawab persoalan kajian

Skor Min	Tahap/ Interpretasi
1.0 - 1.8	Sangat Rendah
1.9 - 2.6	Rendah
2.7 - 3.4	Sederhana
3.5 - 4.2	Tinggi
4.3 - 5.0	Sangat Tinggi

Statistik inferens pula akan menghuraikan perbezaan antara pemboleh ubah. Ujian-t digunakan bagi mendapatkan perbezaan antara jantina dan pengalaman mengajar serta perbandingan kaedah pengajaran yang diguna pakai dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur. Dalam kajian ini, analisis ujian -t dijalankan bagi mengetahui sama ada wujudnya perbezaan antara penerapan Didik Hibur secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar. Dalam menguji hubungan, ujian korelasi Pearson digunakan. Ujian korelasi Pearson digunakan bagi merujuk aras kekuatan perhubungan antara data dalam bentuk sela dan kaitan dengan pemboleh ubah adalah linear. Aras kekuatan nilai pekali ( $r$ ) Korelasi adalah berdasarkan aras kekuatan nilai pekali ( $r$ ) yang digunakan oleh Chua Yan Piaw (2014) yang menjadi rujukan, seperti Jadual 2.

JADUAL 2: Aras kekuatan nilai pekali korelasi

Saiz Pekali Korelasi ( $r$ )	Kekuatan Korelasi
0.91 hingga 1.00 atau -0.91 hingga -1.00	Sangat kuat
0.71 hingga 0.90 atau -0.71 hingga -0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70 atau -0.51 hingga -0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50 atau -0.51 hingga -0.50	Lemah
0.1 hingga 0.30 atau -0.1 hingga -0.30	Sangat Lemah
.00	Tiada korelasi

Tafsiran hubungan di antara 0.91 hingga 1.00 adalah menunjukkan tafsiran yang sangat kuat. Jika nilai pekali ( $r$ ) adalah 0.71 hingga 0.90, dapatlah ditafsirkan bahawa hubungan kedua-dua pemboleh ubah itu kuat. Begitu jika mempunyai nilai saiz pekali 0.51 hingga 0.70, hubungan yang dapat dilihat adalah sederhana. Seterusnya, jika nilai pekali ( $r$ ) berada di antara 0.31 hingga 0.51, hubungan yang diperoleh adalah Lemah dan jika memperoleh nilai pekali 0, Maka tidak terdapat kolerasi .



### Profil Demografi Responden

Kajian ini melibatkan 80 orang responden guru Bahasa Melayu yang mengajar di Zon Likas sahaja. Sebanyak 9 buah sekolah rendah dalam Zon Likas, Kota Kinabalu, Sabah yang terlibat dalam kajian ini. Dari segi jantina, didapati bahawa 70 orang guru perempuan dengan peratus sebanyak 87.5%, berbanding lelaki yang hanya mewakili 10 orang guru dengan 12.5 % yang mengisi *Google Form* yang diedarkan. Jadual 3 menerangkan tentang latar belakang sampel kajian secara lebih terperinci.

JADUAL 3: Analisis demografi responden kajian

Demografi	Frekuensi	Peratus
Jantina		
• Lelaki	10	12.5
• Perempuan	70	87.5
Umur		
• 20 – 30 tahun	18	22.5
• 31 – 40 tahun	2	2.5
• 41 – 50 tahun	36	45
• 51 tahun dan ke atas	24	30
Pengalaman Mengajar		
• Kurang daripada 3 tahun	3	3.8
• 3 – 10 tahun	7	8.8
• 11 – 20 tahun	27	33.8
• Lebih daripada 21 tahun	43	53.8
Sekolah Terlibat		
• SK Likas	6	7.5
• SK St. Agnes	9	11.3
• SK Luyang	6	7.5
• SK Mutiara	9	11.3
• SK Lok Yuk Likas	10	12.5
• SK Bukit Padang	9	11.3
• SK St. Francis Convent	18	22.5
• SK Kolombong	8	10
• SK Bantayan	5	6.3

### Analisis Inferensi

Analisis inferensi ini adalah menguji ujian-t untuk mengenal pasti perbezaan nilai min. Berdasarkan kajian ini, analisis ujian-t dijalankan untuk melihat perbezaan antara kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan aspek jantina. Analisis inferensi ANOVA sehala juga digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis perbezaan penerapan aktiviti Didik Hibur secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan pengalaman mengajar. Analisis inferensi ini juga menggunakan ujian pekali korelasi Pearson bagi melihat sejauh mana hubungan antara kaedah pengajaran secara bersemuka dan kaedah pengajaran dalam talian dalam menerapkan Didik Hibur.

*Ho1: Tidak terdapat perbezaan antara penerapan aktiviti Didik Hibur secara bersemuka berdasarkan jantina.*

Berdasarkan Jadual 4, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penerapan Didik Hibur bagi kaedah pengajaran berdasarkan jantina dengan nilai  $t=0.24$ ,  $df=78$  dan nilai  $P=0.81$  ( $P > 0.05$ ). Jika dilihat dari segi min, guru lelaki (min=3.90 dan SP=0.92) mencatatkan tahap penerapan aktiviti Didik Hibur secara bersemuka lebih tinggi berbanding guru perempuan (Min=3.83 dan SP=0.73). Hal ini secara tidak langsung menunjukkan hipotesis nol ( $H01$ ) bahawa tidak terdapat perbezaan antara penerapan aktiviti Didik Hibur secara bersemuka berdasarkan jantina adalah gagal ditolak.

JADUAL 4. Perbezaan kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu secara bersemuka dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur

	Jantina	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	df	Sig.
Penerapan aktiviti Didik Hibur secara bersemuka	Lelaki	3.90	0.92	0.24	78	0.81
	Perempuan	3.83	0.73			

Dengan kata lain, kaedah pengajaran bersemuka dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah kebangsaan tidak dipengaruhi oleh jantina. Guru lelaki dan guru perempuan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam menerapkan Didik Hibur dalam pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana mereka tahu, bila dan bagaimana hendak menerapkan aktiviti Didik Hibur sebagai satu alat pengajaran atau bantuan pengajaran yang efektif dan menyeronokkan. Sebagai rumusan, kajian ini menjelaskan bahawa penerapan aktiviti Didik Hibur bagi kaedah pengajaran bersemuka tidak dipengaruhi oleh faktor jantina, sebaliknya dipengaruhi oleh elemen lain seperti kemahiran pedagogi, sikap dan minat guru dan sebagainya.

*Ho2: Tidak ada perbezaan yang signifikan dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur bagi secara dalam talian berdasarkan jantina.*

Berdasarkan Jadual 5, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penerapan Didik Hibur bagi kaedah pengajaran secara dalam talian berdasarkan jantina dengan nilai  $t=1.06$ ,  $df=78$  dan nilai  $P=0.29$  ( $P > 0.05$ ). Jika dilihat dari segi min, guru lelaki (Min=3.69 dan SP=1.14) mencatatkan tahap penerapan aktiviti Didik Hibur secara dalam talian lebih tinggi berbanding guru perempuan (Min=3.39 dan SP=0.77). Hal ini secara tidak langsung menunjukkan hipotesis nol ( $H02$ ) bahawa tidak terdapat perbezaan antara penerapan aktiviti Didik Hibur secara dalam talian berdasarkan jantina adalah gagal ditolak.

JADUAL 5. Perbezaan kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu secara dalam talian dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur

	Jantina	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	df	Sig.
Penerapan aktiviti Didik Hibur secara dalam talian	Lelaki	3.69	1.14	1.06	78	0.29
	Perempuan	3.39	0.77			

Dapat dirumuskan bahawa penerapan aktiviti Didik Hibur bagi kaedah pengajaran talian tidak dipengaruhi oleh jantina, sebaliknya dipengaruhi oleh elemen lain seperti kemahiran dan minat guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PdP secara dalam talian.

*Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur bagi secara bersemuka berdasarkan pengalaman mengajar.*

Jadual 6 menunjukkan skor min dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur dengan kaedah secara bersemuka berdasarkan pengalaman mengajar.

JADUAL 6. Perbezaan dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur secara bersemuka berdasarkan pengalaman mengajar

Pengalaman Mengajar	Bil. Sampe l	Min	Sisihan Piawai	df	f
• Kurang 3 tahun	3	3.77	0.67		
• 3 – 10 tahun	7	3.84	0.89		
• 11 – 20 tahun	27	3.57	0.95		
• Lebih 21 tahun	43	4.02	0.51		
<b>Jumlah</b>	80	3.85	0.75		
Antara Kumpulan				3	2.095
Dalam Kumpulan				76	-

Perbezaan penerapan aktiviti Didik Hibur dengan kaedah pengajaran bersemuka berdasarkan pengalaman mengajar guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 21 tahun mencatatkan skor min tertinggi (min=4.02, SP= 0.51), diikuti dengan guru yang berpengalaman mengajar 3 hingga 10 tahun (min=3.84, SP= 0.89), diikuti dengan guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang 3 tahun mempunyai skor min=3.77, SP=0.66) dan diikuti dengan guru yang berpengalaman mengajar 11 hingga 20 tahun mencatatkan skor min yang paling rendah terhadap penerapan Didik Hibur dengan kaedah pengajaran bersemuka (min=3.57, SP= 0.95).

Keputusan analisis ANOVA satu hala menunjukkan perbezaan penerapan Didik Hibur antara empat kumpulan tempoh pengalaman mengajar iaitu pada tahap  $F(3, 76) = 2.095, P = 0.10$ . Hasil menunjukkan aras signifikan 0.10 adalah lebih besar daripada signifikan  $p > 0.05$ . Hipotesis nol ( $H_03$ ) adalah gagal ditolak. Maka keputusan ANOVA menunjukkan

bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap guru dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur bagi kaedah pengajaran bersemuka berdasarkan pengalaman mengajar. Hasil dapatan ini menjelaskan bahawa tempoh pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu tidak dapat mempengaruhi penerapan Didik Hibur dalam kaedah pengajaran bersemuka.

*Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur bagi secara dalam talian berdasarkan pengalaman mengajar.*

Dalam menganalisis penerapan Didik Hibur secara dalam talian berdasarkan pengalaman mengajar, pengkaji telah menggunakan analisis ANOVA satu hala. Ini menunjukkan bahawa varians penerapan aktiviti Didik Hibur bagi kaedah pengajaran secara dalam talian dengan empat kumpulan tempoh pengalaman mengajar guru adalah tidak berbeza secara signifikan. Hasil analisis ANOVA bagi kajian ini dapat dijelaskan melalui Jadual 7.

JADUAL 7. Perbezaan dalam Menerapkan aktiviti Didik Hibur secara bersemuka berdasarkan pengalaman mengajar

Sig. Pengalaman Mengajar	Bil. Sampel	Min	Sisihan Piawai	df	f	Sig.
• Kurang 3 tahun	3	4.06	0.642			
• 3 – 10 tahun	7	3.55	0.872			
• 11 – 20 tahun	27	3.30	0.827			
• Lebih 21 tahun	43	3.44	0.829			
<b>Jumlah</b>	80	2.43	0.825			
Antara Kumpulan				3	0.862	0.465
Dalam Kumpulan				76	-	-

Jadual 7 menunjukkan skor min dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur dengan kaedah secara dalam talian berdasarkan pengalaman mengajar. Perbezaan penerapan aktiviti Didik Hibur dengan kaedah pengajaran bersemuka berdasarkan pengalaman mengajar guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang tiga tahun mencatatkan skor min tertinggi (min=4.06, SP= 0.64), diikuti dengan guru yang berpengalaman mengajar 3 hingga 10 tahun (min=3.55, SP= 0.87), diikuti dengan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 21 tahun mempunyai skor min=3.44, SP=0.82) dan diikuti dengan guru yang berpengalaman mengajar 11 hingga 20 tahun mencatatkan skor min yang paling rendah terhadap penerapan Didik Hibur dengan kaedah pengajaran bersemuka (min=3.30, SP= 0.82).

Keputusan analisis ANOVA satu hala menunjukkan perbezaan penerapan Didik Hibur antara empat kumpulan tempoh pengalaman mengajar iaitu pada tahap  $F(3, 76) = 0.862, P = 0.46$ . Hasil menunjukkan aras signifikan 0.46 adalah lebih besar daripada signifikan  $p > 0.05$ . Hipotesis nol ( $H_04$ ) adalah

gagal ditolak. Maka keputusan ANOVA menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap guru dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur bagi kaedah pengajaran dalam talian berdasarkan pengalaman mengajar. Hasil dapatan ini menjelaskan bahawa tempoh pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu tidak dapat mempengaruhi penerapan Didik Hibur dalam kaedah pengajaran dalam talian.

*Ho5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pengajaran bersemuka dan dalam talian dalam menerapkan aktiviti Didik Hibur.*

Analisis Korelasi Pearson telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan kedua pemboleh ubah iaitu kaedah pengajaran secara bersemuka dan kaedah pengajaran dalam talian dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah kebangsaan di Zon Likas, Kota Kinabalu, Sabah. Hasil kajian, didapati bahawa wujudnya hubungan positif antara kaedah pengajaran bersemuka dengan kaedah pengajaran dalam talian. Hasil keputusan hubungan ini diuji dan mengambil kira kekuatan hubungan yang berpandukan kepada skala kekuatan hubungan, Chua Yan Piaw (2014). Hasil keputusan diperincikan pada Jadual 8.

JADUAL 8. Hubungan antara keadah pengajaran bersemuka dan dalam talian guru

Konstruk	Pekali Kolerasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interprestasi Kekuatan Hubungan
Keadah pengajaran bersemuka dan dalam talian	0.641	0.00	Sederhana

\*\* Signifikan pada aras 0.01

Jadual 8 menunjukkan nilai pekali Korelasi yang diperoleh dari hasil analisis yang telah dijalankan. Kajian ini mendapati bahawa nilai pekali Korelasi Pearson antara kaedah pengajaran bersemuka dan dalam talian adalah  $r=0.64$ ,  $P=0.00$  ( $p<0.05$ ). Ini menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap sederhana. Maka hipotesis nol ( $H_0$ ), kajian adalah ditolak. Oleh itu, wujudnya hubungan yang sederhana antara kaedah pengajaran bersemuka dan kaedah pengajaran dalam talian.

## PERBINCANGAN

### Perbezaan Penerapan Aktiviti Didik Hibur Secara Bersemuka dan Dalam Talian Berdasarkan Jantina

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan bagi penerapan aktiviti Didik Hibur secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan jantina. Dapatan kajian ini juga disokong oleh dapatan yang dilakukan oleh Mohd Rosmadi dan Hafizhah (2020),

menyatakan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan terhadap penerapan Didik Hibur dari aspek jantina. Perbezaan penerapan Didik Hibur sebenarnya dipengaruhi oleh sikap dan kemahiran seseorang guru dalam mengaplikasikan pengajaran di dalam kelas. Hal ini dipersetujui oleh Norlela dan Shamsudin (2020), dalam kajiannya menyatakan bahawa kemahiran dan sikap kerana guru merupakan perancang, pelaksana, pembimbing, pendorong emosi dan pendorong minda kepada murid untuk belajar.

Kajian yang dilakukan oleh Ramlan et al. (2016), pula menyatakan bahawa ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kaedah Didik Hibur dengan jantina. Hal ini bermaksud bahawa, penerapan Didik Hibur di prasekolah mempengaruhi jantina guru. Guru perempuan prasekolah perlu memikirkan cara yang terbaik dalam menangani murid yang masih kecil. Hal ini juga disebabkan, kanak-kanak yang berada di prasekolah lebih cenderung untuk belajar dengan guru perempuan kerana mereka beranggapan guru perempuan itu adalah sama sikap dengan ibunya di rumah. Oleh sebab itu, wujudnya perbezaan dari segi jantina dalam menerapkan Didik Hibur di prasekolah.

### Perbezaan Penerapan Aktiviti Didik Hibur Secara Bersemuka dan Dalam Talian Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Bagi melihat penerapan Didik Hibur berdasarkan pengalaman mengajar, didapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan terhadap penerapan Didik Hibur semasa pengajaran bersemuka dan dalam talian berdasarkan pengalaman mengajar, sebaliknya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain iaitu umur. Mengikuti kajian yang dilakukan oleh Marni Izzati (2020) yang menyatakan bahawa dalam menerapkan Didik Hibur, faktor umur guru mempengaruhi penerapan sesuatu aplikasi. Ini adalah kerana guru yang berumur, sukar untuk menunjukkan penerimaan yang positif, mereka lebih menunjukkan penerimaan yang lemah. In sangat berbeza dengan guru yang baharu atau novis, mereka lebih terbuka untuk mencuba sesuatu yang baharu. Dapatan ini juga disokong oleh Shahfiezul dan Fariza (2017), menyatakan bahawa guru yang lebih muda mampu untuk menerima dan menunjukkan minat dalam pembelajaran menggunakan teknologi.

Oleh sebab itu, pengalaman mengajar guru bukanlah faktor penyebab kepada kelemahan dalam mengaplikasikan Didik Hibur, Hal ini turut diakui oleh Norfiza et al. (2016) yang menjelaskan bahawa pengalaman mengajar guru bukanlah faktor utama mereka tidak dapat mengaplikasikan sesuatu perkara yang berkaitan dengan aplikasi. Dapat ini turut disokong oleh Shahfiezul dan Fariza (2017) yang juga menyatakan bahawa tempoh perkhidmatan guru tidak mempunyai masalah untuk menerima sesuatu inovasi pengajaran seperti Didik Hibur tetapi disebabkan oleh faktor lain. Dengan erti kata lain, semakin lama guru itu

bertugas, peluang untuknya menggunakan sesuatu yang baru semakin banyak terutamanya dalam aspek teknologi dengan menitikberatkan pengajaran dalam talian.

### **Hubungan antara Kaedah Pengajaran Bersemuka dan Kaedah Pengajaran Dalam Talian dalam Menerapkan Didik Hibur**

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, korelasi antara kaedah pengajaran bersemuka dan pengajaran dalam talian memperlihatkan hubungan yang positif. Hal ini bermaksud, kedua-dua kaedah ini saling bertindak balas antara satu dengan yang lain. Kedua-dua kaedah ini masih relevan digunakan oleh guru sama ada pengajaran di bilik darjah atau pengajaran di rumah. Hubungan positif yang diperlihatkan ini menunjukkan bahawa semakin meningkat penggunaan pengajaran secara bersemuka guru, semakin meningkat juga pengajaran dalam talian. Pengajaran dalam talian ini, bukan sahaja boleh dilakukan di sekolah, tetapi boleh juga dilakukan di rumah. Guru boleh menerapkan Didik Hibur melalui kedua-dua kaedah ini dengan menumpukan kepada pembelajaran sendiri murid.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Kajian ini menunjukkan bahawa penerapan Didik Hibur secara kaedah pengajaran bersemuka berada pada tahap yang tinggi dan penerapan Didik Hibur secara kaedah pengajaran dalam talian pula berada pada tahap yang sederhana. Walau bagaimanapun, skor setiap item dalam penerapan Didik Hibur secara dalam talian menunjukkan tahap yang tinggi. Oleh yang demikian, penerapan Didik Hibur dalam pengajaran membawa kesan yang positif bukan sahaja kepada guru, malahan kepada murid juga. Walaupun kaedah pengajaran secara bersemuka atau dalam talian dilakukan, namun sebarang kepelbagaian kaedah pengajaran ini sebenarnya tidak dipengaruhi oleh kaedah atau strategi sepenuhnya. Noor Hasbah dan Yahya (2018) menyatakan bahawa strategi pengajaran bukanlah penyebab kepada peningkatan pencapaian murid Melanau dalam Bahasa Melayu, tetapi dipengaruhi oleh perhatian guru-guru sewaktu mengajar Bahasa Melayu. Beliau juga turun menyatakan bahawa manfaat daripada strategi mengintegrasikan teknologi Internet boleh mendedahkan murid-murid dengan kemahiran meneroka dan meningkatkan kemahiran abad ke-21.

Oleh itu, adalah diharapkan agar guru-guru dapat merancang kaedah-kaedah yang sesuai semasa menerapkan Didik Hibur kerana penerapan Didik Hibur sudah dibuktikan dapat mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan dan menghilangkan kebosanan murid. Dengan itu, penerapan Didik Hibur dapat diketengahkan oleh pihak pentadbir sekolah, kerana mereka memainkan peranan yang penting untuk memastikan guru-guru menerapkan elemen Didik Hibur

dalam pengajaran Bahasa Melayu dan secara tidak langsung, transformasi pendidikan akan dapat dicapai.

### **KESIMPULAN**

Didik Hibur telah dilihat sebagai pendekatan yang terbaik dalam amalan pengajaran guru. Hal ini adalah kerana dengan adanya penerapan Didik Hibur, murid-murid berminat untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran. Elemen hiburan yang terkandung dalam aktiviti Didik Hibur menjadikan aktiviti itu dapat membantu murid-murid dalam menguasai kemahiran membaca, menulis dan bertutur murid (Nik Nur Azizah et al. 2019). Impak daripada aktiviti Didik Hibur ini telah menjadikan seorang guru itu sedar bahawa elemen-elemen Didik Hibur jika diaplikasikan mampu melahirkan murid yang berani dan yakin diri. Namun keadaan ini tidak akan tercapai sekiranya sikap guru itu masih wujud perasaan kurang yakin dalam meningkatkan kaedah pengajaran ke arah yang lebih baik. Keyakinan guru ini dipengaruhi oleh sikap mereka yang takut dan tidak mahu mencuba perkara baru disebabkan tiada kemahiran, terutama dalam mengendalikan kemahiran teknologi. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar semua pihak perlu memainkan peranan supaya semua guru dapat mengaplikasikan penerapan Didik Hibur dalam pelbagai kaedah sama ada secara bersemuka di dalam kelas ataupun secara dalam talian.

Berdasarkan dapatan daripada hasil kajian yang telah dilakukan, telah menunjukkan bahawa elemen Didik Hibur sangat sesuai diterapkan dalam PdP guru, sama ada secara bersemuka dan secara dalam talian, khususnya apabila mengajar murid-murid sekolah rendah yang sememangnya sukakan perkara yang baru. Secara keseluruhannya, kaedah pengajaran bersemuka dan dalam talian sememangnya secara tidak langsung menerapkan Didik Hibur dalam pengajaran mereka. Hal ini disebabkan pembelajaran secara menerapkan Didik Hibur dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang santai, tanpa tekanan dan menyeronokkan (Abdul Rasid et al. 2016).

Berdasarkan dapatan kajian juga, kita dapat mengetahui bahawa semua guru dapat menerapkan Didik Hibur dalam pengajaran mereka kerana mereka dapati bahawa sama ada pengajaran secara bersemuka atau dalam talian, murid tetap akan bertindak aktif dengan syarat guru dapat mengetahui kaedah pengajaran yang sesuai dalam menerapkan Didik Hibur. Oleh kerana, pada masa ini, pembelajaran secara dalam talian menjadi pilihan paksa, sudah pasti penerapan Didik Hibur akan menjadi lebih mudah kerana guru-guru dapat mengajar sesuatu kemahiran secara langsung dengan mengambil video melalui *Youtube*, atau pun membuat pembelajaran secara interaktif, atau melakukan kuiz. Oleh yang demikian, pembelajaran abad ke-21 sebenarnya telah tercapai sepenuhnya, disebabkan pembelajaran dalam talian menjadi



keutamaan apabila kerajaan membendung penularan COVID-19, dengan menutup sekolah dan mengarahkan semua guru menjalankan PdPR, iaitu secara dalam talian.

Oleh itu, adalah menjadi harapan agar kajian terhadap pendekatan Didik Hibur sentiasa dilakukan bagi mewujudkan kemahiran guru dalam menerapkan Didik Hibur. Selain itu, dengan adanya penggunaan pendekatan Didik Hibur secara langsung guru dapat memberikan satu pengajaran yang cukup bermakna kepada murid-murid kerana pendekatan Didik Hibur ini boleh diaplikasikan oleh guru semasa pengajaran bersemuka ataupun pengajaran dalam talian dengan aktiviti pengajaran yang pelbagai.

### RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2016). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (2), 49-63.
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali, & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian teknik Didik Hibur dalam meningkatkan pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 4 (1), 39-45.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Edisi Ketiga. Selangor: McGraw-Hill Education (M) Sdn. Bhd.
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). *Metodologi Penyelidikan Panduan Menulis Tesis*. Penerbit: Universiti Utara Malaysia.
- Kamaruzaman Moidunny. (2009). Keberkesanan Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Modul Kursus Peningkatan Profesional Guru Bahasa Melayu*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020a). *Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020b). *Surat Ajaran KPM Bilangan 3 Tahun 2020: Garis panduan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Penularan Jangkitan Covid 19 bertarikh 27Mac 2020*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah.
- Khairah N. Karim. (2020). Edu Ministry introduces guidelines on online teaching, learning platform. *New Straits Times*: Diakses dari: <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/578945/edu-ministry-introduces-guidelines-online-teaching-learning-platforms> [21 Julai 2021]
- Marni Izzati Kamaruddin. 2020. Perbezaan tahap pengetahuan, penggunaan dan penerimaan guru Bahasa Melayu berdasarkan faktor umur dan pengalaman mengajar ketika mengaplikasikan persekitaran Pembelajaran Maya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 10 (2), 15-28.
- Mazlan Ismail. (2016). *Pengajaran Bahasa Melayu: Didik Hibur dan Seni Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rosmadi Mohd Salleh & Hafizhah Zulkifli. (2020). Penggunaan Didik Hibur dalam Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan. *Malaysia Journal of Education*, 4 (2), 1-16.
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'ng Pei Eng. (2020). Adaptasi pengajaran dan pembelajaran secara maya dalam kebiasaan baharu semasa pandemik COVID-19. Shah Alam: SIG:e-Learning.
- Nik Nur Azizah Nik Halman, Hafis Simin, Ramle Abdullah & Sahar Sa'di Hashim. (2019). Penggunaan pendekatan Didik Hibur dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran harian di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua. *Journal of Educational Research dan Indigenous Studies Special Issue 2019*, 2, 1-6.
- Noor Habsah Ali & Yahya Othman. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (1), 33-41.
- Norfiza Apfandi, Nurul Hafizah Maarof, Nor Syamilah Md Zin, Nurul Suzaina Joli & Rorlinda Yusof. (2021). Kajian amalan penggunaan medium atas talian oleh pelajar bagi proses pembelajaran di rumah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (3), 285-295.
- Norlela Ahmad & Shamsudin Othman. (2020). Penggunaan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training*, 6 (2), 1-11.
- Ramlan Jantan, Nor Afni Resad & Siti Faimah Az-Zahra Mohd Fauzi. (2016). Aktiviti Didik Hibur dalam kalangan guru prasekolah di Daerah Gombak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 5, 19-29.
- Rosninawati Hussin. (2020). Pembelajaran dalam talian satu norma baharu. *Universiti Sains Islam Malaysia*. Diakses dari: <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/pembelajaran-dalam-talian-sebagai-norma-baharu/> [21 Julai 2021]

- Rozita Radhiah Said, Abdul Rasid Jamian & Azhar Md. Sabil. (2016). Pengetahuan dan kefahaman skop pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan jurulatih pakar pembangunan sekolah (SISC+). *International Journal of Education and Training*, 2 (2), 1-9.
- Siti Azura Abu Hassan, Suzana Zainol Abidin & Zulkurnain Hassan. (2021). Keberkesanan pembelajaran dan pengajaran dalam talian terhadap pembelajaran pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2 (10), 1-13.
- Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu. (2003). *Analisis Data Komputer SPSS 11.5 for Windows*. Kuala Lumpur: VENTON Publishing.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Edisi Ketiga. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zanariah Wahab & Zamri Mahamod. (2017). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap pendekatan Didik Hibur. *Prosiding Seminar Serantau ke-VIII*, hlm. 19-26. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Riau.